



UCAPAN ALUAN
KETUA PENGARAH JKR MALAYSIA
YBHG DATO' SRI Ir. Dr. ROSLAN BIN
MD TAHAA
SEMPENA
MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC)
JKR MALAYSIA
TAHUN 2019

09 MAC 2019 (SABTU)
PULAU PINANG

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Dihormati saudara dan saudari
Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin
Mohd Tahir
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Dr. Syed Sharifuddin bin Syed
Ihsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan
Industri Pembinaan

YBhg. Dato' Sr. Aziz bin Abdullah
Ketua Pengarah
Lembaga Lebuhraya Malaysia

YBhg. Dato' Ir. Dr. Meor Abdul Aziz bin Hj.
Osman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Infra)

YBrs. Tuan Ir. Kamaluddin bin Haji Abdul Rashid
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

YBrs. Tuan Ar. Zairul Azidin bin Badri
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya
(Sektor Bangunan)

YBrs. Puan Mastura binti Shaari
Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan
Korporat merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Induk Mesyuarat Pegawai
Kanan JKR Malaysia 2019

YBrs. Ir. Shahabuddin bin M. Muhyidin
Pengarah JKR Negeri Pulau Pinang
merangkap
Pengerusi Pengelola Mesyuarat Pegawai
Kanan JKR Malaysia 2019

Pengarah-Pengarah Kanan Cawangan,
Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian,
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-
Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai Kader,
Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan
Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya juga, kita diberi kesempatan untuk berkumpul, bersua muka di dalam Majlis Perasmian Persidangan Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2019 anjuran Ibu Pejabat JKR Malaysia dengan kerjasama JKR Negeri Pulau Pinang.

2. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Anuar bin Mohd Tahir atas kesudian meluangkan masa untuk menyempurnakan majlis perasmian Persidangan Pegawai Kanan JKR Malaysia (SOC) Tahun 2019 pada hari ini.

3. Kehadiran dan sokongan YB Timbalan Menteri sempena Program SOC JKR Malaysia begitu bermakna dan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk terus berusaha memperkasakan infrastruktur awam negara demi kesejahteraan rakyat. Seterusnya membantu negara mencapai tahap pembangunan lebih tinggi melalui kepakaran teknikal yang dimiliki oleh warga JKR.

4. Sebagaimana YB Timbalan Menteri sedia maklum, persidangan ini merupakan acara tahunan yang dihadiri oleh Pegawai Kanan JKR Malaysia peringkat persekutuan, negeri dan daerah, KADER dan dilaksanakan di negeri-negeri mengikut giliran.

5. Objektif utama persidangan ini diadakan adalah sebagai platform perbincangan isu-isu berkaitan jabatan merangkumi pelbagai aspek teknikal, urus tadbir dan pengurusan jabatan.

Justeru, besar harapan saya agar semua pegawai yang hadir pada hari ini mengambil peluang berdiskusi dan melontarkan pandangan dari perspektif masing-masing demi kelangsungan jabatan yang kita sayangi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada tuan rumah, JKR Negeri Pulau Pinang kerana telah sebaik mungkin menyediakan tempat yang selesa dan kondusif sepanjang tempoh tiga hari kita bermukim di sini.

7. Alhamdulillah, bersama-sama kita pada hari ini adalah lebih 400 orang pegawai kanan JKR yang terdiri daripada Pengarah Cawangan dan Negeri, Jurutera Daerah, Pegawai Kader yang mengetuai cawangan, bahagian dan unit dari seluruh negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

TEMA MESYUARAT

8. Tema Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia pada tahun ini adalah '**JKR: Peneraju Infrastruktur Negara**'.

Tema ini signifikan dan bertepatan dengan peranan JKR sebagai peneraju dan pemangkin dalam pembangunan infrastruktur di Malaysia. Ini seiring dengan visi jabatan sebagai pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan demi pembangunan infrastruktur negara melalui modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.

9. Seiring dengan tema tersebut, saya sangat berharap agar warga JKR yang umumnya diketahui memiliki kepakaran dan ilmu pengetahuan teknikal yang tinggi, sentiasa bersedia melakukan perubahan dan pembaharuan positif demi membina negara Malaysia yang inklusif, moderat dan gemilang di persada dunia sepetimana yang terkandung di dalam buku Pakatan Harapan.

10. Industri pembinaan negara sepanjang tahun mengalami evolusi yang makin mencabar dan kita sebagai *one of the industry players in this field* seharusnya memiliki ilmu dan kepakaran yang tinggi serta menjadi *trendsetter* dalam industri ini.

11. Bertepatan dengan tema program kali ini, suka saya mengimbau kembali projek-projek pembangunan yang diterajui oleh JKR seiring dengan peredaran masa. Dahulunya, sebelum dan pasca Merdeka, JKR mengguna pakai kaedah konvensional dalam pelaksanaan projek-projek pembangunan. Antaranya pembinaan

Masjid Jamek (1905), Stesyen Keretapi Tanah Melayu (1911), Stadium Merdeka (1957), Empangan Klang Gate (1958), Masjid Negara (1965) dan Projek Jalan Raya Timur Barat (1970).

12. Dari tahun ke tahun penggunaan teknologi silih berganti sehingga ke hari ini, di mana JKR telah mempelopori teknologi moden dalam sistem penyampaian perkhidmatan demi memenuhi ekpektasi pelanggan. Institut kanser Negara merupakan projek pertama Jabatan Kerja Raya (JKR) yang menggunakan kaedah *Building Information Modeling*

(BIM). Projek pembinaan Institut Kanser Negara ini berjaya disiapkan lebih awal berbanding tarikh siap kontrak.

13. Sejak kebelakangan ini pelbagai pihak universiti, agensi kerajaan dan swasta telah mengadakan lawatan teknikal dan perbincangan kerjasama BIM bersama JKR. Perkembangan ini secara tidak langsung telah menjadikan JKR sebagai pusat rujukan BIM di peringkat kebangsaan.

14. Di samping projek mega dan berskala besar, pendekatan JKR dalam menyantuni masyarakat awam adalah melalui projek berbentuk *touch point*. Antaranya ialah projek sekolah daif di mana pelaksanaan projek sekolah daif adalah menggunakan kaedah *Industrialised Building System* (IBS) bermula pada tahun 2017.

15. Selain itu, JKR juga telah berjaya menyiapkan 35 buah bilik darjah konsep di 10 sekolah rendah sekitar Wilayah Persekutuan Putrajaya yang juga direkabentuk dan dibina dengan menggunakan kaedah IBS.

Projek ini telah berjaya diiklankan dalam masa 7 hari dan tempoh pengiklanan disingkatkan daripada 21 hari kepada 10 hari. Jumlah keseluruhan tempoh prakontrak iaitu dari penerimaan projek sehingga pengeluaran SST adalah hanya 24 hari. Pembinaan dijalankan ditapak bermula 15 Oktober 2018 yang lalu dan syukur Alhamdulillah projek ini telah dapat diserahkan kepada KPM dalam tempoh $9\frac{1}{2}$ minggu sahaja iaitu 11 hari lebih awal daripada jadual.

PENGIKTIRAFAN DAN KEJAYAAN JKR MALAYSIA

16. Saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga JKR atas kecemerlangan dalam penyampaian projek sepanjang tahun 2018 ini.

17. Mengimbas kembali tahun 2018 yang lalu, pelbagai kejayaan yang dilakar oleh Jabatan Kerja Raya, antaranya:

- i. JKR berjaya meraih lebih 13 pingat merangkumi emas, perak dan gangsa dalam pelbagai pertandingan dan pemeran yang disertai;
- ii. Memenangi Johan National Energy Award (NEA) 2018 Kategori 1 – *Energy Efficiency (Energy Management in Large Building)* sempena *International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference (IGEM) 2018*;

- iii. Mendapat pengiktirafan lima bintang (100%) untuk Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2017 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia pada 1 Oktober 2018;

- iv. Sebanyak tiga (3) projek JKR telah mendapat pengiktirafan skor SHASSIC 5 bintang daripada CIDB dimana projek tersebut telah memenuhi kriteria Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di dalam sektor pembinaan;

- v. Jabatan Kerja Raya buat julung kalinya pada tahun ini telah menganjurkan Hari Profesional Teknikal Negara JKR 2018 (HPTN JKR 2018); dan

- vi. Seramai 13 orang pegawai JKR yang telah diiktiraf sebagai Pegawai Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) yang berperanan untuk memberikan khidmat pakar dan menjadi sumber rujukan dalam dan luar organisasi mengikut bidang kepakaran masing-masing.

PENGISIAN MESYUARAT

18. Mesyuarat Pegawai Kanan JKR

Malaysia tidak sempurna tanpa adanya sesi pembentangan kertas kerja oleh para penceramah yang dijemput khas untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman bersama-sama kita. JKR sangat bertuah dengan kehadiran para panel penceramah jemputan ini iaitu:

i. YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah
Tajuk: AP 182 – Ke arah Pelaksanaan
Projek Pembangunan Yang Mampan
Organisasi: Kementerian Kerja Raya

ii. Encik Hasnan bin AB Hamid
Tajuk: Pemerkasaan AP 182- Harapan
Kerajaan
Organisasi: Unit ICU, Jabatan Perdana
Menteri

iii. Puan Norhana binti Abdul Azis
Tajuk: Pemerbadanan, Pengkorporatan &
Penswastaan Agensi Awam:
'Memastikan Kelestarian Kewangan'
Organisasi: Kementerian Kewangan
Malaysia

iv. Encik Ahmad Azhan bin Mohd
Noh@Mohamed Nor
Tajuk: Pemansuhan Fungsi Sesebuah
Agensi Kerajaan-Implikasi Kepada
Perkhidmatan Pegawai Awam
Organisasi: Jabatan Perkhidmatan Awam

19. Saya berharap Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan dapat menggunakan perkongsian ilmu tersebut dengan sebaik-baiknya, dan In Shaa Allah ianya akan memberi manfaat kepada kita semua. Jutaan terima kasih juga saya nukilkan kepada para penceramah kerana sudi malapangkan waktu untuk berkongsi ilmu dan pengalaman pada hari ini.

20. Pengisian lain yang akan diadakan pada mesyuarat ini ialah *parallel session*, pameran teknikal, sesi interaksi bersama pengurusan atasan dan lawatan teknikal.

ANUGERAH JKR MALAYSIA SEMPENA SOC 2019

Para hadirin yang dihormati sekalian,

21. Bersempena dengan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia pada kali ini juga, turut diadakan Anugerah Kontraktor Cemerlang yang bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada kontraktor dan pelaksana yang berjaya melaksanakan projek JKR. Ia juga sebagai tanda penghargaan JKR terhadap kecemerlangan pengurusan organisasi tersebut.

22. Sebanyak tujuh (7) kategori yang dipertandingkan pada tahun ini, iaitu kategori;

- i. Bangunan
- ii. Infrastruktur
- iii. Mekanikal dan Elektrik
- iv. Sub-Kontraktor Dilantik
- v. Pengurusan Fasiliti Bangunan
- vi. Pengurusan Trafik Tapak Bina Bagi Projek Jalan
- vii. Pembinaan Hijau

23. Syabas saya ucapkan kepada semua yang berjaya dicalonkan dan tahniah kepada semua pemenang.

Anda semua adalah yang terbaik kerana berjaya berada di pentas akhir pertandingan.

24. Semoga kejayaan ini menjadi pencetus semangat kepada yang lain untuk terus berusaha memberi perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti.

Hadirin-hadirat sekalian,

PENUTUP

25. Sebelum mengakhiri ucapan, pesanan saya untuk warga JKR terutamanya generasi muda agar sentiasa berusaha meneroka bidang teknikal agar suatu hari nanti kita menjadi pakar rujuk dan usah jemu menambah ilmu. Peningkatan ilmu pengetahuan bukan sahaja membolehkan kita bekerja di atas landasan yang jelas bagi mencapai matlamat yang sempurna, malahan mampu menjadi pemangkin dan memberi keyakinan untuk keputusan yang tepat lagi bijaksana. Sematkan di dalam jiwa dan budaya kerja kita agar sentiasa positif seperti kata-kata seorang ahli

psikologi dan farmasi Perancis, Emile Coue, “*Everyday In Every Way I'm Getting Better And Better*”.

26. Saya sekali lagi merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia kerana sudi bersama-sama warga JKR dan merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Tahun 2019.

27. Kepada JKR Negeri Pulau Pinang, tuan rumah bagi mesyuarat kali ini selaku jawatankuasa pengelola, terima kasih dan tahniah saya ucapkan di atas usaha yang dicurahkan dalam memastikan kelancaran penganjuran Mesyuarat Pegawai Kanan kali ini. Tidak lupa juga terima kasih yang tidak terhingga kepada urus setia induk serta semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan mesyuarat kali ini.

28. Sebelum mengakhiri ucapan pada petang ini, suka saya imbas kembali pada awal saya menerajui JKR, antara perkara pertama saya laksanakan adalah mengadakan perjumpaan dengan pegawai-pegawai muda untuk mendapatkan inspirasi dalam menerajui JKR, dan rata-ratanya pegawai-pegawai tersebut menyatakan JKR perlu diberi peluang untuk melaksanakan projek-projek mega negara yang dulunya dijalankan oleh syarikat swasta/ badan berkanun yang berkaitan.

29. Pada hari ini, saya sangat bersyukur dan gembira umumkan bahawa JKR telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan semua projek persekutuan di setiap Kementerian melalui pengukuhan AP 182. Alhamdulillah, kini, kita (JKR) telah diamanahkan untuk melaksanakan semua projek di Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW). Untuk makluman jua, semua kementerian, jabatan dan agensi perlu mendapatkan kelulusan daripada JKR terlebih dahulu sekiranya ingin melaksanakan sendiri projek mereka.

Bahkan Projek Koridor Utara yang bernilai lebih 2 bilion telah diserahkan kepada JKR untuk dilaksanakan, malahan JKR juga sedang menimbang permohonan projek daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) untuk tujuan yang sama. Alhamdulillah.

30. Sebelum menutup dairi perkhidmatan awam, pesanan akhir saya kepada pengurusan dan pimpinan JKR, saya tinggalkan amanah ini untuk disempurnakan dengan penuh integriti, dedikasi, kepercayaan dan kesetiaan.

Kepada semua pimpinan muda yang diterajui oleh Jurutera-Jurutera Daerah, kalian menyambung legasi JKR Malaysia, usah merintih penat dalam menuntut ilmu, kautlah pengalaman sebanyak mungkin, ambil peluang yang ada dan jagalah JKR dengan penuh ketulusan dan keikhlasan.

JKR umpama serumpun awan

Maju berarak menuju haluan

Hadirnya dari pelbagai sempadan

Tak mampu ditegah mahupun ditahan

Di panas terik memayungi dataran

Di tanah yang tandus menurunkan hujan

‘JKR Sentiasa Dihatiku’

Sekian, wabillahi taufik walhidayah,
wassalamualaikum warahmatullahi
wabaratuh.